

# ISOL DEDAH MAHASISWA DI ALAM PEKERJAAN



PAUH PUTRA, 20 November-Seramai 50 mahasiswa dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUTSV), Thailand menyertai program International Soft Skills & Leadership Camp (ISOL). Program anjuran bersama Pusat Bahasa Antarabangsa, UniMAP dan RMUTSV berlangsung dari 15 sehingga 19 November 2017. Program tersebut diadakan bertujuan bagi meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran yang diperlukan oleh para pelajar yang bakal menempuh alam disamping meningkatkan keterlibatan antarabangsa UniMAP di peringkat serantau.

Untuk rekor Program ISOL merupakan pengajuran kali ketujuh sejak 2011 dan ia ditambahbaik dari tahun ke tahun bagi memperkemaskan nilai kepimpinan para pelajar di kedua-dua buah universiti. Majlis perasmian penutup disempurnakan Dekan Pengurusan Akademik UniMAP Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar, manakala RMUTSV diwakili oleh Prof. Madya Dr. Ong-arge Insung.